

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	4/1/2020	MUKA SURAT	: 51
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Pembuangan sisa toksik ke dalam sungai

RM10,000 ganjaran pemberi maklumat

Seremban: Kerajaan negeri menawarkan insentif sebanyak RM10,000 kepada pemberi maklumat yang memaklumkan mengenai pihak terbabit dengan pembuangan sisa berjadual atau sisa toksik ke dalam sungai atau takungan air di negeri ini.

Menyebut Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata insentif itu bertujuan mengelak daripada pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa sekali gus menyebabkan pencemaran air.

"Seperti kita sedia maklum, bulan lalu sahaja dua kali berlaku pencemaran apabila ada pihak membuang sisa, berjadual ke dalam sungai.

"Kes itu menyebabkan kerajaan negeri menanggung kerugian sehingga RM300,000 bagi membersihkan dan mengawal pencemaran daripada merebak," katanya selepas Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan di Wisma Negeri, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

Mengulas lanjut, katanya, tindakan pantas pihak bertanggungjawab, termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) berjaya mengawal pencemaran itu merebak dan menjadi lebih buruk.

Sementara itu, Aminuddin berkata, kerajaan negeri berjaya memungut hasil berjumlah RM556.4 juta sepanjang tahun lalu, berbanding sasaran RM430 juta.

"Kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa komitmen daripada kakitangan awam yang terbahagi" katanya.

Justeru bagi meningkatkan hasil pada tahun ini, beliau menetapkan lima strategi yang perlu dilkuti oleh kakitangan awam di negeri ini iaitu mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan, mengaplikasi teknologi terkini dalam perkhidmatan awam selain merancang program bertaraf nasional dan antarabangsa, merancang pembangunan bandar dan menggalakkan kakitangan mencipta nama pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Aminuddin dan Mohd Khairul Adib selepas Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan di Wisma Negeri, semalam. (Foto BERNAMA)